

KATA KERJA

LATIHAN 1 : Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai

1. Zakaria _____ ke belakang apabila terdengar orang memanggilnya.
A. melihat B. mengalih C. menoleh D. memusing
2. Kelapa itu diparut sebelum _____ untuk mendapatkan santan.
A. dikepal B. diperah C. diuli D. dicanai
3. Kita digalakkan memakai pakaian yang bersih dan kemas serta tidak _____ mata.
A. menjolok B. mencucuk C. menonjol D. mencalak
4. Rumput yang panjang di kawasan rumah nenek telah _____ oleh Pak Cik Daud pada petang tadi.
A. dicencang B. dipotong C. dihiris D. dikerat
5. Yahya _____ seguni kapas yang baru dibeli di Pasar Raya Bistari.
A. memikul B. menjinjing C. mengangkat D. menjinjit
6. Asnan _____ dengan sekuat hati apabila dikejar oleh anjing yang garang itu.
A. bermain B. berlari C. bersukan D. berjalan
7. Kita perlu _____ sekurang-kurangnya dua kali sehari supaya badan kita bersih.
A. makan B. minum C. mandi D. tidur
8. Nazira _____ kerana hendak mengikut kakaknya pergi ke kedai.
A. meracau B. menangis C. merengek D. ketawa

9. Peragut itu enggan _____ apabila disoal siasat oleh pegawai polis.

- B. bersyarah B. berceramah C. bercakap D. berpidato

10. Rosliza sering diundang untuk _____ persembahannya memainkan piano dalam majlis besar.

- A. memperdengarkan B. membunyikan C. menyanyikan D. memperlihatkan

11. Azrul _____ anak-anak ayam yang hendak masuk ke dalam rumahnya.

- A. menjemput B. menyalak C. menggertak D. menghalau

12. Beberapa orang pendaki _____ ketika menyertai ekspedisi mendaki gunung itu.

- A. Terjunam B. tercicir C. terjatuh D. tersesat

13. Fadhil hampir dilanggar kereta ketika mengejar bola yang _____ ke tengah jalan raya.

- A. tersisih B. tergolek C. terjatuh D. terjunam

14. Seorang kanak-kanak lelaki itu telah dimasukkan ke hospital kerana _____ racun rumput.

- A. termakan B. terhisap C. terminum D. tertelan

15. Kak Lisa _____ adiknya yang sedang merajuk kerana hendak membeli aiskrim.

- A. menendang B. menyeru C. memujuk D. merayu

(15 markah)